

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/1979**

=====

**PERWAKILAN KUASA KEPADA PEMUNGUT HASIL TANAH
UNTUK MENOLAK PERMOHONAN PINDAHMILIK YANG DIKENAKAN
DI ATAS SURATAN HAKMILIK SEBAGAI SEKATAN HAK**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 6/3/1975 telah meluluskan Perwakilan Kuasa kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah untuk menolak permohonan pindahmilik yang dikenakan di atas Surat Hakmilik sebagai Sekatan Hak yang dikemukakan tanpa mengemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan lagi. Penolakan hanya kepada permohonan yang pertama kali sahaja, iaitu jika ada rayuan-rayuan diatas penolakan ini Pemungut Hasil Tanah seterusnya mestilah mengemukakannya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Pada masa ini penolakan permohonan pindahmilik ini adalah dibuat dengan secara automatik maka beberapa kesusahan telah timbul jika sekiranya pemohon berkehendakkan wang daripada tanah itu secara jualan atau cagaran dengan serta-merta untuk melepaskan kecemasan masing-masing. Pemohon-pemohon terpaksa menunggu jawapan yang mengambil masa yang lama dan membuat rayuan sebelum pertimbangan boleh diberi.

3. Jadi untuk menyenangkan Pemungut-Pemungut Hasil Tanah menyelenggarakan permohonan pindahmilik dengan lebih teratur Majlis Mesyuarat Kerajaan dimesyuaratnya pada 24/8/1978 telah meluluskan supaya dipinda Perwakilan Kuasa yang telah diluluskan pada 6/3/1975 itu supaya diberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah menolak mana-mana permohonan yang difikirkan tidak ada sebab-sebab yang boleh menyokong kelulusannya dan tidak disokong oleh Pemungut Hasil Tanah dan penolakan tu bukanlah secara automatik tetapi selepas menggunakan budi bicaranya. Tetapi mana-mana yang difikirkan patut disokong dengan adanya sebab-sebab yang munasabah untuk meluluskan permohonan itu maka hendaklah diangkat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Selangor untuk dipertimbangkan melalui Pengarah Tanah dan Galian, Selangor.

4. Segala rayuan di atas penolakan Pemungut Hasil Tanah bolehlah dipertimbangkan seperti biasa yang membawa keputusan muktamad.

5. Pemungut-Pemungut Hasil hendaklah mematuhi peraturan-peraturan seperti di perenggan 2 dan 3 di atas.

6. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Selangor Bil. 6/1975 adalah dibatalkan.

T.T
(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

PTG.Sel.675(112)

Shah Alam
19hb. Mac 1979